


ISSUE #01/17 OGOS 2024

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



Panahan Cinta Di Awan

Siti Nurhaliza

Siti Nurhaliza

Larut dalam cinta! Demikian frasa yang menterjemahkan persembahan mustika hati negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza pada konsert solonya, Siti Nurhaliza Cinta Di Awan yang berlangsung di Arena of Stars, Genting Highlands minggu lalu.

Tepat jam 8.30 malam, ruang Arena of Stars bergema dengan sorakan lebih 5,000 penonton dan peminat setia beliau.

Membuka pentas dengan lagu ikonik Jerat Percintaan, Wajah Kekasih dan Dialah Di Hati, Siti membiarkan vokal lunaknya bersatu bersama pengarah muzik terkenal, Chaan.

"Konsert ini saya gabungkan lagu-lagu cinta saya dan lagu cinta 90-an ketika remaja, hits sepanjang zaman ini saya rasa mesti semua akan menyanyi bersama," kongsinya teruja.

Menyampaikan lagu Nadi yang dipetik dari album solo ke-20, Sitism, Siti diiringi anak sulungnya, Siti Aafiyah yang bermain keyboard.

Siti turut menyampaikan untaian lagu-lagu hitsnya seperti Ku Milikmu, Satu Cinta Dua Jiwa, Kau Sangat Bererti, Percayalah, Kau Kekasihku, Jaga Dia Untukku, Biarlah Rahsia dan Bukan Cinta Biasa, Seindah Biasa, Engkau Bagaikan Permata, Indah Percintaan, Nian Di Hati, Seribu Kemanisan dan Kesilapanku Keegoanmu dan Ku Mahu.

Turut membuat penampilan adalah anak saudara Siti iaitu Umairah dengan berduet bersama menyanyikan lagu Zheng Fu dan You Are The Reason.

Siti juga tampil menyanyikan lagu Munbe Vaa dan memilih lagu-lagu hits 90-an seperti Tak Mungkin Berpaling, Bougenvilla, Tiara dan Hakikat Sebuah Cinta yang ternyata membuat satu arena menyanyi bersama.

Tiga jam beraksi dengan vokal lunak merdunya semestinya mengukir senyum peminat. Terima kasih Siti Nurhaliza!

- Khairil Khusyairi



Konsert Cinta Di Awan
Konsert Solo Penutup 2024



HIGHLIGHTS OLYMPIC PARIS 2024



Hadiah gangsa buat Malaysia

Kontinjen negara menamatkan saingan di Paris 2024 dengan meraih dua gangsa dalam sukan badminton menerusi beregu utama lelaki negara, Aaron Chia-Soh Wooi Yik dan pemain profesional perseorangan negara, Lee Zii Jia.



Dhabitah di kedudukan 12 terbaik dunia

Impian penerjun harapan negara, Nur Dhabitah Sabri menaiki podium pertamanya di pentas Sukan Olimpik tidak kesampaian pada edisi Paris kali ini apabila menamatkan final tiga meter (m) papan anjal individu di kedudukan ke-12 di Pusat Akuatik Paris.



Ralat Azizulhasni Awang, Shah Firdaus

Datuk Azizulhasni Awang atau digelar 'The Pocket Rocketman' sedia bersara, mohon peminat beri sokongan buat pelumba berbasikal trek negara Muhammad Shah Firdaus Sahrom. Terdahulu, penyertaan Azizulhasni dibatalkan pada pusingan pertama keirin akibat kesalahan mendahului pacer. Manakala, pada pusingan final, Shah Firdaus menutup peluang meraih pingat apabila terbabit kemalangan dengan pelumba Jepun, Shinji Nakano.

Atlet Viral Olimpik Paris 2024



Kredit foto: Photo by X/@PicturesFolder



Kredit foto: Abaca Press/INSTARimages



Kredit foto: huseinalireza/Instagram



Kredit foto: Harry Langer/DeFod Images/Getty Images

Yusuf Dikec

Yusuf Dikec, penembak dari Turkiye mencuri tumpuan dunia dengan gaya uniknya yang tenang, dengan memasukkan sebelah tangan ke dalam poket dan tidak mengenakan sebarang kelengkapan khas.

Dikec bersama rakan sepasukannya, Seval Ilayda Tarhan memenangi pingat perak dalam acara 10 meter pistol angin campuran.

Anthony Ammirati

Atlet lompat galah Perancis, Anthony Ammirati tewas di Sukan Olimpik Paris 2024 apabila kemaluannya terkena pada palang.

Thomas Ceccon

Atlet renang yang juga pingat emas Itali, Thomas Ceccon, dilihat tidur di taman Paris selepas mengadu tentang keadaan di Perkampungan Sukan Olimpik yang teruk.

Rachael Gunn

Atlet breakdance Australia yang hanya mengenakan pakaian sukan negaranya dan topi menjadi ejekan 'meme' di media sosial kerana rutin uniknya.


Pembukaan & Penutup Olimpik Paris 2024



Lady Gaga,
Pembukaan Olimpik 2024



Tom Cruise,
Penutup Olimpik 2024



Celine Dion,
Pembukaan Olimpik 2024



Billie Eilish,
Penutup Olimpik 2024

Tom Cruise menutup temasya Sukan Olimpik Paris 2024 penuh bergaya dengan 'terjun' dari bumbung Stade de France dengan membawa bendera Sukan Olimpik Los Angeles 2028.

Dalam upacara penutup selama empat jam penonton dihiburkan dengan persembahan Billie Eilish, Snoop Dogg dan Dr. Dre secara langsung dari Pantai Venice.

Manakala, upacara pembukaan Olimpik Paris 2024 pada 26 Julai lalu menyaksikan perarakan terapung di sepanjang Sungai Seine dan berakhir di Menara Eiffel.

Buat pertama kalinya dalam sejarah, upacara pembukaan diadakan di luar stadium, di tengah-tengah Paris yang disaksikan oleh kira-kira 300,000 orang dari pentas, jambatan, tebing sungai dan kediaman mereka.

205 negara berarak menggunakan 85 bot pelbagai saiz sambil diserikan dengan persembahan Lady Gaga dan Celine Dion.

Konsert Jilid Rockestra Ella: Rockers Juga Manusia

Ratu Rock Ella tampil mempersembahkan 33 buah lagu penuh bertenaga dalam konsert Jilid Rockestra Ella: Rockers Juga Manusia pada Jumaat lalu di Plenary Hall, KLCC. 3,000 peminat setia hadir menghangatkan malam bersama untaian lagu hebat Ella seperti Sembilu, Sepi Sekuntum Mawar Merah, Setanding In The Eyes of the World, Nuri dan banyak lagi!



Kredit foto: Bangsawan Pictures

Konsert Dato' M. N45ir Cipta

Hadiah yang menyenangkan halwa telinga buat penonton yang hadir di Konsert Dato' M. N45ir Cipta dengan suara emas penyanyi lagenda itu. Dengan kehadiran lebih 8,000 penonton di Axiata Arena Bukit Jalil pada Sabtu ternyata memuaskan hati para peminat, antara lagu yang dinyanyikan adalah Raikan Cinta, Hati Emas, Gerhana, Mentera Semerah Padi dan banyak lagi. Turut hadir di konsert tersebut adalah erdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil.